

Submission date: 28 Julai 2023    Acceptance date : 20 November 2023    Available online: 31 Disember 2023

## **SOROTAN LITERATUR PERBANDINGAN STRATEGI PENGEMBANGAN ABU SAYYAF DAN TENTERA DIRAJA SULU DI SABAH**

*LITERATURE HIGHLIGHTS ON COMPARISON OF ABU SAYYAF AND ROYAL  
SULU ARMY EXPANSION STRATEGIES IN SABAH*

\*<sup>i</sup>Muhammad Syahmi Mohd Kamil & <sup>ii</sup>Kamarudin Salleh

\*<sup>i,i</sup> Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: [\\*syahmikamil130@gmail.com](mailto:*syahmikamil130@gmail.com)

DOI : [10.61465/jurnalyadim.v3.140](https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v3.140)

### **ABSTRAK**

Kemunculan kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) sering dikaitkan dengan kegiatan militan di Sabah. Namun di sebalik dua kumpulan militan ini terdapat perbezaan dan ketidaksamaan di dalam latar belakang kemunculan dan strategi pengembangannya di Sabah. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan kajian-kajian lepas berkaitan latar belakang dan strategi pengembangan yang berfokuskan membina idea dan teori yang boleh mengenalpasti perbandingan hubungan antara kumpulan Abu Sayyaf dan Tentera Diraja Sulu di Sabah melalui ideologi, strategi dan nilai pembawaan kumpulan militan ini. Analisis literatur dijalankan bagi mencari justifikasi kajian dan perbandingan tentang kepentingan merungkai strategi pengembangan kumpulan militan melibatkan KAS dan TDS di Sabah. Ini merupakan kajian kualitatif berdasarkan kaedah analisis kandungan. Sorotan literatur ini mendapati bahawa pengaplikasian kajian perbandingan ini mampu mencari kaedah khusus dalam mengenal pasti persamaan dan perbezaan latar belakang kemunculan dan strategi pengembangan yang melibatkan kedua-dua kumpulan militan ini di Sabah di samping memberi pencerahan kepada hubungan di antara kedua-dua kumpulan militan ini.

**Kata Kunci:** Abu Sayyaf, Tentera Diraja Sulu, Strategi Pengembangan, Sabah

### **ABSTRACT**

*The emergence of the Abu Sayyaf group (ASG) and the Royal Sulu Army (RSA) is often linked to militant activities in Sabah. But behind these two militant groups there are differences and inequalities in the background of their emergence and expansion strategy in Sabah. Therefore, this study aims to highlight past studies related to the background and expansion strategies that focus on building ideas and theories that can identify the comparative relationship between the Abu Sayyaf group and the Royal Sulu Army in Sabah through the ideology, strategy and values of this militant group. Literature analysis was conducted to find*

*justification and comparison on the importance of uncovering the expansion strategy of militant groups involving ASG and RSA in Sabah. This is a qualitative study based on content analysis methods. Highlights of this literature found that the application of this comparative study is able to find specific methods in identifying similarities and differences in the background of the emergence and development strategies involving these two militant groups in Sabah as well as enlighten the relationship between these two militant groups.*

**Keywords:** Abu Sayyaf, Royal Sulu Army, Expansion Strategy, Sabah

## PENDAHULUAN

Istilah ‘strategi’ dalam perbahasan mengenai kumpulan militan pengganas adalah perkara yang sering dibincangkan dalam mengenalpasti matlamat mereka. Strategi menurut Fred Nickols (2016: 2) adalah corak tujuan, dasar, program, tindakan, keputusan atau peruntukan sumber yang mentakrifkan apa itu organisasi, apa yang dilakukannya dan mengapa ia melakukannya. Maka setiap strategi itu mesti perlu kepada pelaksanaan (*implementation*) untuk mencapainya kerana pelaksanaan strategi ialah proses di mana organisasi menterjemahkan strategi pilihannya ke dalam pelan tindakan dan aktiviti yang akan mengemudi organisasi ke arah yang ditetapkan dalam strategi dan membolehkan organisasi mencapai objektif strateginya (Chatered Management Institute 2020: 1). Namun begitu pelaksanaan strategi yang baik adalah dengan meneliti faktornya seperti proses pelaksanaan strategi, dan faktor-faktor yang membawa kepada kegagalan pelaksanaan strategi (Pushpa Rani 2019: 215). Faktor yang menjayakan sesuatu pelaksanaan strategi menurut Sara Elder (2009: 15-21) adalah bergantung kepada peranan dalam ahli organisasi, tugas yang perlu dilaksanakan dan kos yang perlu ditanggung sesuatu organisasi. Maka dengan kelengkapan faktor yang berikut barulah ia boleh mencapai apa yang dihasratkan dan apa yang hendak direalisasikan (Fred Nickols 2016: 3).

Manakala pengembangan atau *expansion* berasal daripada perkataan *expanse* yang membawa maksud pertambahan sesuatu dalam saiz, bilangan, atau kepentingan (Cambridge Dictionary t.th). Pengembangan berdasarkan kamus Merriam Webster (t.th), adalah melibatkan kepada perluasan wilayah, perluasan ekonomi, perluasan alam semesta dan juga ideologi. Maksud ideologi di sini merujuk kepada politik dan masyarakat (Kevin Harrison dan Tony Boyd 2018: 135). Justeru melalui definisi ini boleh disimpulkan bahawa strategi pengembangan adalah sebagai suatu proses terancang melalui tindakan atau kegiatan yang memandu organisasi ke arah yang telah dihasratkan dalam strategi berserta peranan

organisasi yang berusaha untuk mencapai objektif strateginya, iaitu pengembangan dari aspek wilayah, ekonomi, ideologi dan sebagainya. Perkara ini meliputi pengenalpastian peluang, ancaman, visi dan misi organisasi (Rusniati dan Ahsanul Haq 2014: 106).

Maka dalam wacana berkaitan dengan kumpulan militan penganas kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS), kedua-dua mereka mempunyai strategi pengembangan yang mereka rancangkan terhadap wilayah-wilayah yang mereka serang, termasuk juga Sabah. Jika diperhatikan kedua-dua organisasi ini melaksanakan strategi mereka dengan corak ketenteraan yang digunakan untuk tujuan pertempuran. Maksudnya di sini ia adalah rancangan umum serangan atau pertahanan yang biasanya melibatkan pengaturan yang dibuat sebelum benar-benar melibatkan musuh dan bertujuan untuk merugikan musuh tersebut (Fred Nickols 2016: 3). Sering kali strategi ketenteraan ini terlaksana apabila timbulnya konflik diantara dua pihak yang dilihat tidak serasi dan bercanggah antara satu sama lain seperti peranan nilai yang berbeza iaitu konflik ideologi, agama, nasionalisme dan rampasan wilayah (Dominic Albino, Katriel Friedman dan Yaneer Bar-Yam 2016: 1-15).

Sehubungan itu, apakah pertalian konflik kedua-dua kumpulan ini dengan Malaysia, sehingga mereka melakukan serangan di daerah-daerah tertentu di Sabah. Dengan itu, kegiatan mereka sudah pasti mempunyai hubung kait tertentu dengan latar belakang penubuhan dan kemunculan organisasi militan mereka. Dengan latar belakang yang berbeza, pelaksanaan strategi pengembangan mereka terhadap Sabah juga mungkin berbeza. Perbezaan ini yang perlu dilakukan perbandingan samaada ia benar-benar mempunyai perbezaan di antara dua kumpulan itu tadi ataupun terdapat juga persamaan di dalamnya. Perbezaan ini perlu dilihat kepada latar belakang KAS dan TDS dan begitu juga strategi pengembangan yang mereka cuba laksanakan di Sabah, samaada ia melibatkan ideologi, wilayah, agama dan lain-lain. Untuk mengenal pasti perkara tersebut perlunya kepada sorotan literatur berkaitan kajian-kajian lepas yang membicarakan berkenaan latar belakang kedua-dua kumpulan militan Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) berserta strategi pengembangan yang mereka cuba implementasikan di Sabah, ini termasuk melakukan analisis terhadap sorotan literatur tersebut agar dapat mewujudkan percambahan ilmu baru yang dapat menampung jurang penyelidikan dan menekankan kepentingan kajian ini agar ia dapat disiapkan dengan berkesan oleh para pengkaji.

## SOROTAN LITERATUR

Dalam membahaskan sorotan literatur berkaitan dengan perbandingan strategi pengembangan kumpulan militan antara Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) di Sabah, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dengan melakukan penelitian lanjut di dalam kajian ini. Antara perkara yang menimbulkan kekeliruan adalah kewujudan beberapa kumpulan militan yang berbeza daripada Selatan Filipina yang terdiri daripada penganut agama Islam, serta bagaimana perbezaan ini boleh digunakan untuk tujuan yang saling menguntungkan. Seterusnya pula adalah perkara yang akan diberi tumpuan adalah kepentingan penyelidikan strategi pengembangan antara dua kumpulan militan KAS dan TDS dalam melaksanakan perancangan mereka di Sabah, samaada masing-masing di dorong oleh nilai konflik yang berbeza ataupun terdapat persamaan yang mungkin wujudnya perhubungan antara kedua-dua kumpulan ini yang saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Lantaran itu, untuk memulakan perbincangan sorotan literatur, kajian ini akan melakukan pembahagian terhadap perbincangan ini kepada dua sub tema penting iaitu latar belakang kemunculan berserta yang kedua adalah strategi pengembangan di antara dua organisasi militan yang dikaji dalam sorotan literatur ini iaitu Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) di Sabah. Untuk mendapatkan keputusan dan analisis tambahan, kajian ini telah meneliti dan menganalisis sorotan literatur yang berkaitan untuk menyokong hujah dan kedudukan asalnya kepada kepentingan matlamat kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti latar belakang bagi membeza dan menentukan strategi pengembangan di antara dua kumpulan militan. Seperti yang diketahui, perbincangan di dalam sorotan literatur ini akan dipecahkan kepada dua sub tema iaitu latar belakang kemunculan berserta yang kedua iaitu strategi pengembangan kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) di Sabah yang dikaji dalam sorotan ini.

### **Latar Belakang Kemunculan Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) di Sabah**

Sebelum itu, bagi membincangkan dengan lebih mendalam berkaitan latar belakang kemunculan kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) di Sabah perlu untuk diperjelaskan terlebih dahulu terminologi sejarah kedua-kedua kumpulan agar ia mudah difahami secara ilmiah dengan adanya penafsiran yang jelas dan layak untuk

dilakukan analisis terhadapnya. Ini kerana KAS dan TDS merupakan kumpulan militan yang wujud di dalamnya beberapa ciri-ciri yang saling berhubungkait antara satu sama lain, terutamanya dari sudut sasaran tempat iaitu Sabah. Maka kecaburan terhadap sejarah kedua-dua kumpulan militan ini akan mengakibatkan kurangnya maklumat dalam menilai perbandingan antara keduanya. Perkara itu juga boleh menyebabkan berlakunya salah faham dalam mentafsir hubung kait antara keduanya tanpa disedari. Tujuan perbincangan latar belakang dan sejarah kedua kumpulan militan ini dilakukan adalah untuk melakukan perbandingan dan persamaan antara keduanya. Oleh yang demikian, ia akan menghasilkan teori, pandangan dan pentafsiran yang pelbagai. Ini kerana penambahan maklumat berkaitan sejarah, keduanya dari satu sudut mungkin terdapat hubungkait dan mungkin juga tiada pertalian di antaranya. Ia bergantung kepada sumber maklumat atau kajian yang digunakan dalam sorotan literatur ini.

#### a. Latar Belakang Kemunculan Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) di Sabah

Kajian oleh Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja (2016) yang bertajuk “*The Lahad Datu Incursion and Its Impact on Malaysia’s Security*” membahaskan tentang latar belakang kumpulan Abu Sayyaf (KAS) di Sabah yang majoritinya berbangsa Moro dan ditubuhkan oleh AbduRazzak Janjalani kelahiran Basilan dari *Moro National Liberation Front* (MNLF) dan ada sebahagiannya yang keluar daripada *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) daripada Mindanao (Abd. Ghofur 2016: 175 & 187). Mereka adalah kumpulan militan dari Filipina yang menyasarkan Sabah untuk menjalankan kegiatan berkaitan keganasan mereka seperti *Kidnapping for Ransom* (KFR) dan penyeludupan senjata. Sejak tahun 2000, KAS telah menyasarkan pusat peranginan (*resort*) di timur Sabah untuk menculik sama ada pelancong atau pekerja *resort*. Daripada tahun 2000 dan 2015, KAS telah melakukan sekurang-kurangnya lapan penculikan di Sabah. Antara penculikan terkenal di Sabah yang dilakukan oleh KAS ialah penculikan di Pulau Sipadan pada April 2000. Pada tarikh itu, mereka telah menculik sepuluh pelancong Barat dan sebelas pekerja *resort*. Secara lebih terperinci oleh Al Chaidar et al. (2018: 7), mereka telah menculik sembilan rakyat Malaysia, tiga dari Jerman, dua dari Perancis, dua dari Afrika Selatan, dua dari Finland, seorang wanita Lubnan dan dua orang Filipina. Kesemua mangsa yang diculik ini dibawa ke kem Abu Sayyaf di Tawi-Tawi untuk ditahan sebagai tebusan dan kemudiannya dipindahkan ke Jolo. Kemudian, pada 10 September 2000, KAS menculik tiga pekerja *resort* dari Pulau Pandanan

di Sabah yang terdiri daripada tiga warganegara Malaysia menggunakan bot motor berkuasa tinggi yang lebih laju daripada kapal tentera laut Filipina (Al Chaidar et al. 2018: 7).

KAS juga bertanggungjawab melindungi dan melatih militan Malaysia di Selatan Filipina serta menjalankan operasi militan terhadap pihak berkuasa Filipina. Antara militan Malaysia yang bersembunyi di Selatan Filipina ialah anggota *Jemaah Islamiyyah* (JI) ialah Zulkifli Hir @ Marwan yang sudah meninggal dunia dan Mohd Noor Fikrie Abd Kahar juga telah meninggal dunia, Amin Baco dan Jeknal Adil yang sebahagian anggota *Darul Islam* (DI) di Sabah, Dr Mahmud Ahmad, Mohd Najib Hussein dan Muhammad Joraimee Awang Raimee sebagai ahli kumpulan *Islamic State* (IS) di Malaysia. Lima individu itu dipercayai mempunyai kaitan dengan KAS. Setelah itu pada Ogos 2015, KAS telah berjanji setia kepada IS dan menjadi sebahagian kumpulan dibawah mereka dan mungkin lebih awal daripada itu. Ini bermakna mereka juga memegang ideologi *salafi jihadi* seperti mana kumpulan IS (Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja 2016: 13). Ideologi ini juga dikenali sebagai ideologi radikal yang membawa mereka kepada kegiatan ekstremis dan keganasan seperti mana yang dijelaskan mengenai ancaman mereka sebelum ini terhadap orang Muslim dan non-Muslim di Sabah (Maszlee Malik dan Mohd Yazid Zul Kepli 2018: 21).

Berdasarkan kajian daripada Laura Steckman (2016: 17) bertajuk ‘*The Abu Sayyaf-ISIS Nexus: Rising Extremism and its Implications for Malaysia*’ mendapati bahawa pada Mei 2015 pihak keselamatan telah berjaya menangkap enam rakyat Sabah di semenanjung yang memenggal seorang warganegara Malaysia serta disyaki mempunyai hubungan dengan *Islamic State* (IS). Mereka ini merancang untuk melakukan serangan pengeboman seperti yang berlaku di Jakarta. Mereka menyasarkan serangan itu pada tarikh Januari 2016 di kawasan Kuala Lumpur. Namun tidak cukup dengan itu mereka juga meneruskan kegiatan penculikan untuk tebusan pada April 2016 dengan menculik sekumpulan pelaut Malaysia sebagai tebusan. Dari sini di dapat bahawa KAS bukan sahaja mengambil ideologi IS, bahkan bergiat melakukan ancaman yang sama seperti mereka iaitu penculikan, pengeboman, pembunuhan dan seumpamanya (Siti Naqiyah et al. 2018: 96).

Berdasarkan kajian Al Chaidar et al. (2018) yang bertajuk *Masyarakat Mindanao, Abu Sayyaf dan Masalah Keamanan Kawasan* menjelaskan bahawa perhubungan rangkaian kumpulan Abu Sayyaf ini bukan sekadar satu organisasi dari Filipina sahaja bahkan ia meluaskannya sehingga ke negara Malaysia dan Indonesia. KAS dalam kegiatannya di Sabah telah mendapat sokongan daripada kumpulan militan daripada *Jemaah Islamiyyah* (JI), *Darul*

*Islam* (DI) dan *Islamic State* (IS). Sebelum ini ada disebutkan nama-nama yang terlibat dengan KAS di Sabah. Maka melalui rangkaian hubungan itu, mereka berani melakukan kegiatan jenayah berikut kerana adanya sokongan daripada organisasi tersebut.

#### b. Latar Belakang Kemunculan Tentera Diraja Sulu (TDS) di Sabah

Berdasarkan kajian Asia Report №281 (2016) bertajuk “*The Philippines: Renewing Prospects for Peace in Mindanao*”, Tentera Diraja Sulu (TDS) kebanyakannya direkrut daripada kumpulan etnik Tausug yang berusaha untuk menghidupkan semula Kesultanan Sulu dan Basilan yang pernah memerintah kawasan Mindanao dan negeri Sabah Malaysia dari abad kelima belas hingga awal abad kedua puluh. Pada Februari 2013, lebih dua ratus pejuang tiba di Lahad Datu, yang berlabuh di sebuah kawasan pantai di Sabah, Malaysia yang mengatakan bahawa mereka mahu mengembalikan Sabah kepada pemerintahan Jamalul Kiram III, seorang pewaris takhta. Di bawah pimpinan Esmael Kiram II, yang menggantikan abangnya Jamalul Kiram III sebagai penuntut Kesultanan Sulu dan pemimpin TDS, kesultanan itu bertegas untuk membuat tuntutan ke atas Sabah. Namun hasrat itu dihalang oleh tentera Malaysia yang berlarutan selama lebih sebulan, berakhir dengan kekalahan besar kumpulan itu. Kemudian pihak Tentera Diraja Sulu (TDS) dari pihak kesultanan Sulu itu mahu "menuntut semula" wilayah Sabah dengan cara yang aman. Walau bagaimanapun, jika langkah damai gagal, mereka tidak mempunyai pilihan selain menghantar tentera.

Berdasarkan kajian Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja (2016: 16-18), pada Oktober 2014 terdapat dua anggota TDS dibunuh oleh polis Malaysia di Penampang, Sabah. Pihak berkuasa percaya bahawa militan TDS di Sabah merancang untuk menimbulkan lebih banyak ancaman keselamatan di negeri itu serta melakukan rompakan bersenjata untuk membiayai aktiviti militan mereka. Insiden itu secara tidak langsung mengancam proses damai kerajaan Filipina dengan *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) memandangkan Malaysia adalah tuan rumah pihak ketiga rundingan keamanan tersebut. Ini memberi amaran kepada kerajaan Malaysia agar sentiasa berwaspada terhadap kemungkinan ancaman TDS pada masa hadapan. Walaupun kumpulan itu berjaya dihalau oleh pasukan keselamatan Malaysia dari Sabah. Kemudian dengan kematian sultan mereka, perjuangan mereka tetap tidak akan berakhir. Kesultanan Sulu akan tetap dan sentiasa ada pengganti yang baru dan dalam masa sama budaya mereka yang cenderung menyimpan dendam yang perlu dibalas seperti kaum Tausug atau Suluk berserta ideologi yang mempercayai bahawa Sabah adalah

milik mereka dalam kalangan pemimpin dan pengikut akan memberi ancaman besar kepada Malaysia. Justeru untuk mengambil mudah dan berfikir bahawa kumpulan itu tidak akan melancarkan satu lagi serangan ke atas Sabah pada masa hadapan adalah sangat naif.

Dalam kajian oleh Hamdan Aziz dan Syahrin Said (2016) yang bertajuk *Tuntutan Kesultanan Sulu Terhadap Sabah: Sorotan dari Perspektif Sejarah dan Perundangan*, secara keseluruhannya menjelaskan perkara yang sama berkaitan latar belakang sejarah Tentera Diraja Sulu (TDS) melalui sorotan sebelum ini. Namun beliau juga menjelaskan penafian terhadap dakwaan Sabah itu adalah milik mereka kerana ia adalah perkara yang mengelirukan. Isu tuntutan TDS terhadap Sabah dirumuskan dalam kajian ini sebagai hak mutlak Malaysia melalui persetujuan bersuara majoriti rakyat Sabah terhadap sokongan pembentukan Malaysia yang mana perkara itu diurus oleh Suruhanjaya Cobbold yang merupakan wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ketika itu. Maka kerajaan Malaysia tetap bertegas untuk mempertahankan Sabah sebagai wilayah yang sah (oleh Hamdan Aziz dan Syahrin Said 2016: 292).

### **Strategi Pengembangan Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) di Sabah**

Dalam membincangkan sorotan literatur berkaitan strategi pengembangan di antara dua kumpulan militan ini. Perlu diberi perhatian terhadap konflik dan nilai yang diperjuangkan samaada ia adalah ideologi, agama, nasionalisme dan rampasan wilayah seperti yang dijelaskan sebelum ini (Dominic Albino, Katriel Friedman dan Yaneer Bar-Yam 2016: 1-15). Ia menjadi dasar strategi pengembangan yang dirancang bagi mencapat objektif jangka panjang KAS dan TDS, dan perkara ini meliputi pengenalpastian peluang, ancaman, visi dan misi organisasi.

Berdasarkan kajian Ramli Dollah dan Eko Prayitno (2015: 83) bertajuk *Dasar ‘Memakmurkan Jiran’ dan Penglibatan Malaysia dalam Proses Keamanan di Selatan Filipina*, menjelaskan bahawa konflik yang timbul antara Malaysia dan Filipina ini sangat memberi impak terhadap sosial masyarakat dan politik Malaysia, terutamanya di Sabah. Ini dapat dilihat daripada kemunculan pelarian-pelarian dan pendatang asing daripada Filipina yang membanjiri negeri Sabah. Kedatangan mereka ini juga menimbulkan isu terhadap masalah sosial masyarakat di Sabah, lebih-lebih lagi dengan berlakunya banyak insiden

serangan oleh kumpulan militan yang bersenjata yang dikenali sebagai Tentera Diraja Sulu (TDS) dan Kumpulan Abu Sayyaf (KAS). Insiden ini mendorong Malaysia untuk bekerjasama dengan Selatan Filipina bagi mewujudkan keamanan bersama. Akan tetapi keamanan itu tidak akan dicapai dengan sebeginu mudah walaupun wujudnya kerjasama kerajaan Malaysia, Filipina dan penduduk Islam Selatan Filipina. Ini berikutan dengan faktor dalaman umat Islam di Selatan Filipina itu sendiri seperti *Moro National Liberation Front* (MNLF) dan *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) daripada Mindanao yang masing-masing tidak mempunyai keserasian bersama sehingga tertubuhnya KAS yang melakukan jenayah merentasi sempadan seperti penyeludupan, rompakan penculikan dan lain-lain manakala TDS pula masih terperangkap di dalam hasrat mereka yang lama terkubur sehingga sanggup melakukan perjuangan tuntutan yang tidak akan ada titik noktahnya dan mengorbankan ramai nyawa. Perbezaan konflik kedua-dua kumpulan ini adalah merujuk kepada nilai perjuangan mereka yang hendak dicapai berdasarkan pelaksanaan strateginya.

Jika dilihat mengenai kumpulan Abu Sayyaf (KAS) oleh Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja (2016), strategi pengembangan yang terdapat di dalam organisasi ini yang pertama sekali adalah bertunjangkan ideologi Islam *Salafi Jihadi*. Ideologi agama ini sebenarnya bersifat ekstrem dan ganas (Maszlee Malik dan Mohd Yazid Zul Kepli 2018: 21), ia dijadikan pendorong kepada kegiatan mereka bagi merealisasikan hasratnya iaitu untuk membina satu *Dawlah Islamiyyah* (negara Islam) sama seperti yang dibawa oleh *Islamic State* (IS) tetapi di belah Asia Tenggara, Selatan Filipina (Abd. Ghofur 2016: 185). Maka itu menjadi strategi pengembangan mereka dengan meletakkan nilai ideologi sebagai dasar bagi visi dan misi mereka untuk mencapainya dalam jangka masa yang panjang. Dalam masa yang sama, melalui nilai tersebut mereka mampu mengembangkan pengaruh, saiz, kuantiti dan kekuatan. Pengaruh itu memudahkan proses pengambilan ahli dari kalangan komuniti Sulu, terutama sekali etnik Moro dan begitu juga mereka yang berada di dalam Malaysia. Pelaksanaan strategi pengembangan mereka di Sabah ini dilihat bukan untuk merealisasikan hasrat *Dawlah Islamiyyah* tetapi lebih tepat lagi untuk menjadikan Sabah sebagai pusat ekonomi luaran yang effisien untuk mereka menjana pendapatan, meskipun kos tanggungan operasi kebanyakannya disokong oleh IS berdasarkan Wan Kamal et al. (2020: 89) tetapi selepas kegagalan mereka di Syria, kesemua kumpulan dibawahnya berjuang melalui hubungan kerjasama bersama-sama organisasi militan kecil yang lain. Kerana itu wujudnya kegiatan *Kidnapping for Ransom* (KFR), penyeludupan senjata dan manusia, pencerobohan dan seumpamanya. Maka KFR ini merupakan kegiatan terancang yang banyak dilakukan di

Sabah oleh KAS demi membina hasrat mereka di Selatan Filipina (Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja 2016: 19).

Kajian daripada Al Chaidar et al. (2018) juga menjelaskan perkara yang sama seperti sebelum ini, namun apa yang menjadi maklumat tambahan adalah kumpulan Abu Sayyaf ini pada asalnya memperjuangkan konflik nilai yang berbeza iaitu untuk mendapatkan kemerdekaan di negara Mereka melalui dua organisasi besar di Selatan Filipina, *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) dan *Moro national Liberation Front* (MNLF) daripada Mindanao. Selepas dikecewakan mereka berpecah dan menu buhkan KAS dibawah bimbingan kumpulan militan *Islamic State* (IS). Kumpulan ini menyasarkan kegiatan militan di dua buah negara seperti Malaysia dan Indonesia. Mereka mengambil peluang melalui ideologi agama dan ancaman melalui tindakan militan untuk menundukkan negara di Asia Tenggara bagi menjana keuntungan di samping mempunyai persediaan yang kukuh dari segi ketenteraan, senjata dan ekonomi secara luaran untuk membebaskan daerah Selatan Filipina dan matlamat membina negara Islam.

Selain itu terdapat juga kajian daripada D Y Chen (2019: 1) dan Christoph Schuck (2020: 12), yang menjelaskan bahawa pengembangan kumpulan Abu Sayyaf di Filipina dan Sabah ini bukanlah semata-mata dipengaruhi oleh ideologi daripada pengganas militan luar negara, kebanyakannya ahli KAS memilih organisasi ini adalah disebabkan pemilihan gaya hidup yang menarik bagi umat Islam tempatan di Filipina, yang kebanyakannya masih terperangkap dalam kehidupan yang kurang berasib baik begitu juga mereka di Malaysia. Mereka ini terdiri daripada golongan *non-Islamist* yang mengambil kesempatan daripada naratif Islam dan politik Islam untuk menggambarkan diri mereka pejuang dan mengambil kelebihan darinya. Melalui kajian ini seolah memberitahu bahawa strategi pengembangan mereka bukan untuk memperjuangkan negara Islam tapi lebih cenderung kepada gaya hidup yang lebih baik berbanding dengan kehidupan sebelumnya. Maka mereka ini seperti sebuah organisasi yang tiada tujuan khusus dalam melakukan kegiatan jenayah di negara Asia Tenggara. Kemudian pula kajian mereka juga memberi gambaran bahawa KAS ini adalah organisasi yang hanya melakukan kegiatan militan yang ekstrem berbanding memperjuangkan hak-hak umat Islam khususnya di Mindanao dan daerah Selatan Filipina.

Kemudian pada kajian seterusnya adalah daripada Asia Report N°281 (2016). Dilihat daripada sudut strategi pengembangan kumpulan di bawah kesultanan Sulu ini, dapat dikenal pasti bahawa Tentera Diraja Sulu (TDS) mempunyai impian untuk menuntut wilayah Sabah daripada kerajaan Malaysia. Maka organisasi ini di bawah pemerintahan Kesultanan Sulu bersama-sama bangsanya dari kalangan Tausug atau Suluk memperjuangkan hak geopolitik iaitu merujuk kepada wilayah, negeri dan provinsi yang pernah mereka warisi pada ketika dahulu (Mohamed Anwar Omar 2011: 15). Bagi melaksana strategi pengembangan TDS, organisasi ini memainkan peranan dengan membina semula pemerintahan kesultanan Sulu dengan mengaku diri sebagai pewaris takhta bernama Jamalul Kiram III. Selepas itu untuk melaksanakan tugas atau hasrat tersebut mereka telah mempengaruhi etnik Tausug atau Suluk dengan menggunakan ideologi geopolitik atau wilayah untuk menuntut semula Sabah. Dari situ saiz dan kuantiti organisasi ini mula berkembang untuk menjalani misi mereka. Dari sudut ekonomi atau pendapatan mereka juga melakukan rompakan senjata di Sabah sehingga mengancam keselamatan di Malaysia.

Kemudian kajian daripada Hamdan Aziz dan Syahrin Said (2016), menjelaskan bahawa strategi pengembangan mereka ini bercorakkan ketenteraan militan yang dapat dilihat dari tindakan Tentera Diraja Sulu (TDS), apabila mendarat di Tanduo, Lahad Datu, Sabah seramai dua ratus tentera TDS pada 14 Februari 2013 dengan objektif bagi menuntut wilayah Sabah. Tindakan TDS ini dikatakan pengkaji sebagai suatu yang mengelirukan apabila mereka meminta sewa daripada kerajaan Malaysia kerana mengambil Sabah daripada mereka. Sedangkan Sabah adalah wilayah yang sah bagi Malaysia melalui pajakan yang bersifat selama-lamanya sehingga ia boleh ditukar kepada istilah serahan berbanding pajak mahupun sewa. Tambahan pula wujudnya persetujuan bersuara majoriti rakyat Sabah terhadap sokongan pembentukan Malaysia yang mana perkara itu diurus oleh Suruhanjaya Cobbbold yang merupakan wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kritikan pengkaji terhadap tindakan strategi TDS untuk menuntut Sabah ini banyak merujuk kepada sejarah lampau Malaysia dan kesultanan Sulu yang pernah dijajah Sepanyol serta beranggapan bahawa TDS ini tidak mampu menilai hakikat sebenar bahawa Sabah diperolehi Malaysia melalui cara yang sah dan bukannya rampasan, sewaan dan sebagainya.

Selain itu, kajian bertajuk *Dinamika Muslim Moro di Filipina Selatan dan Gerakan Sparatis Abu Sayyaf* daripada Abd. Ghofur (2016) ada menghuraikan bahawa kesultanan Sulu sebelum zaman penjajahan pada awal 1500 M sehingga 1900 M keatas pernah berperanan

dalam tradisi pemerintahan yang berasaskan tradisi Islam, ini menunjukkan wilayah mereka dahulu di kepulauan Sulu dan Maguindanao adalah sebahagian daripada negara Islam, iaitu kawasan yang berusaha untuk melaksanakan syariah Islam dan undang-undang Islam. Kajian ini seolah-olah memberitahu bahawa Tentera Diraja Sulu (TDS) yang menyerang Sabah pada era pasca-penjajah ini berkemungkinan menggunakan ideologi *salafi jihadi* untuk membina semula *Dawlah Islamiyyah* yang pernah dimiliki mereka. Maka isu ini juga merupakan sebahagian daripada strategi pengembangan organisasi ini.

Sementara itu pula, dalam kajian Norizan Kadir (2022) bertajuk *Nasionalisme dan Perubahan Polisi Tuntutan Filipina ke atas Sabah daripada Irredentisme kepada Tuntutan Dorman, 1962–1998*, ada menjelaskan bahawa pengaruh strategi pengembangan kumpulan ini bukan sahaja berdasarkan ideologi geopolitik dan *salafi jihadi*, tetapi juga agenda nasionalisme yang berpaksikan kepada kepentingan rakyat. Isu kepentingan rakyat di Selatan Filipina melalui pengaruh nasionalisme ini pernah dibawa oleh mantan Presiden Filipina iaitu Ferdinand Marcos bagi menuntut Sabah sebagai wilayah kesultanan Sulu. Namun hasrat itu tidak tercapai apabila rancangan atau strategi mereka terhadap Sabah menemui kegagalan kerana halangan daripada pemimpin dan rakyat luar dan dalam Filipina berserta pertahanan keselamatan Malaysia (Norizan Kadir 2022: 203-220). Kajian ini berbeza dari sebelumnya kerana kebanyakan kajian lebih menghuraikan bahawa pelaksanaan strategi TDS untuk menuntut semula Sabah adalah berdasarkan konflik dan pengaruh geopolitik, namun kajian ini berfokuskan nasionalisme. Sebelumnya hanya isu wilayah kesultanan Sulu kemudian menjadi isu nasional oleh bekas presiden Filipina, Ferdinand Marcos. Ini menunjukkan kemampuan kumpulan TDS dari sudut pengaruh dan sokongan pada peringkat awal banyak dibantu oleh kerajaan Filipina sendiri sebelum menemui kegagalan.

## **ANALISIS SOROTAN LITERATUR**

Pada bahagian ini, analisis terhadap sorotan literatur ini akan dibahagikan kepada dua iaitu latar belakang kemunculan Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) berserta strategi pengembangan oleh dua kumpulan militan tersebut. Sorotan literatur ini akan dianalisis berdasarkan hasil kajian bagi kajian sorotan literatur yang telah dipilih dan membuat justifikasi kepada perlunya kajian-kajian lanjutan dilakukan.

## **Latar Belakang Kemunculan Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) di Sabah**

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dihuraikan dalam kajian lepas, tidak ada perbahasan yang membincangkan tentang perkaitan hubungan antara kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) secara langsung. Yang ada hanyalah menyebutkan KAS ini adalah umat Islam Moro Filipina yang pernah berada di bawah pemerintahan kesultanan Islam di Filipina, namun tidak ada yang menyebut tentang hubungan gerakan mereka dengan Tentera Diraja Sulu (TDS) di Sabah. Ini berkemungkinan adalah kerana identiti mereka yang berbeza berdasarkan kesultanan Islam yang pernah wujud sebelum ini di Selatan Filipina seperti kesultanan Mindanao dan kesultanan Sulu. Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) kebanyakannya latar belakang mereka terdiri daripada etnik Moro yang datang daripada daerah Mindanao manakala Tentera Diraja Sulu (TDS) pula daripada kesultanan Sulu dan Maguindanao (Abd. Ghofur 2016: 175), walaupun suku Tausug ini adalah sebahagian daripada etnik Moro tetapi penglibatan mereka lebih banyak ke arah TDS berdasarkan kajian sebelum ini (Asia Report N°281. 2016, Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja 2016)

Kemudian, daripada sorotan literatur ini juga kedua-dua kumpulan melihat Sabah sebagai sebuah aset yang berbeza. KAS memandang Sabah sebagai tempat untuk menjana pendapatan melalui aktiviti *Kidnapping for Ransom*, rompakan bersenjata dan merekrut militan baru samaada luar dan dalam Malaysia (Bilveer Singh dan Jasminder Singh 2019: 409). Kemudian TDS memandang Sabah sebagai aset sejarah penting yang perlu dituntut semula, iaitu tanah wilayah yang seharusnya menjadi hak milik mereka. Justeru hak itu diperjuangkan agar dapat membina semula kesultanan Sulu yang lama. Dari sudut penjanaan pendapatan TDS adalah daripada rompakan bersenjata yang dilakukan. Selepas itu, KAS banyak melakukan kegiatannya secara lebih rahsia seperti di kawasan *resort* dan mempunyai sasaran khusus untuk dijadikan tawanan penculikan seperti di Pulau Sipadan dan Pulau Pandanan (Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja 2016, Al Chaidar et al. 2018), ancaman ini adalah sebahagian daripada pelaksanaan strategi mereka di Sabah yang sangat merbahaya (Abdul Rashid dan Ramli Dollah 2021: 33). Sementara TDS pula lebih bersifat menonjolkan diri dengan melancarkan serangan seperti di Lahad Datu dengan hasrat tuntutan semula (Asia Report N°281 2016). Dengan itu untuk mencari titik yang menghubungkan kebersamaan mereka di antara satu sama lain perlu dilihat dan ditelusuri latar belakangnya bermula selangkah demi selangkah.

Namun jika diperhatikan kepada kes Oktober 2014 terdapat dua anggota TDS dibunuh oleh polis Malaysia di Penampang, Sabah. Pihak berkuasa percaya bahawa militan TDS di Sabah merancang untuk menimbulkan lebih banyak ancaman keselamatan di negeri itu serta melakukan rompakan bersenjata untuk membiayai aktiviti militan mereka (Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja 2016, Al Chaidar et al. 2018). Bukan itu sahaja, kajian daripada Siti Nur Azilayati & Mohd Adnan (2020: 90) ada memberitahu bahawa ancaman organisasi ini terhadap penduduk Sabah bukanlah secara satu organisasi, tetapi ia juga turut di ancam oleh organisasi militan yang lain melalui rangkaian hubungan kumpulan penjenayah seperti Abu Sayyaf. Perkara ini memberi gambaran bahawa di setiap tempat yang ada berlakunya sesuatu ancaman, ia akan diselit dengan kegiatan daripada kumpulan lain. Perkara ini dilihat seolah TDS juga ada melakukan kerjasama bersama-sama organisasi militan lain seperti KAS.

Perkara yang dijelaskan sebelum ini menunjukkan wujudnya rangkaian hubungan antara KAS dan TDS. Ini bukan sesuatu yang menghairankan kerana kebanyakan mereka adalah etnik Muslim Moro yang mana Tausug adalah suku darinya (Abd. Ghofur 2016: 176). Dalam masa sama dari Al Chaidar et al. (2018: 30), kumpulan Abu Sayyaf juga mula-mula beroperasi di Basilan dan kemudiannya tersebar di seluruh kepulauan Sulu. Sehubungan itu, selain mendapat bantuan daripada negara luar, mereka juga bersama-sama organisasi yang datang daripada Selatan Filipina melakukan kerjasama, dan TDS dilihat sebahagian darinya. Akan tetapi pengesahan tentang perkara ini belum dapat dikenal pasti secara pasti, kerana tiada pengesahan melalui kajian-kajian lepas mengenai hubungan kedua-dua kumpulan ini.

Oleh sebab itu dalam menelusuri sorotan literatur tentang penelitian latar belakang antara KAS dan TDS. Tidak ada banyak kajian daripada para pengkaji Asia Tenggara dan Malaysia khususnya yang membincangkan tentang hubungan antara kedua-dua organisasi ini seperti Abd. Ghofur (2016), Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja (2016), Asia Report N°281 dan Al Chaidar et al. (2018). Pengkaji tetap dengan pendirian sebelum ini bahawa tidak ada perkaitan hubungan antara Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) secara pasti yang dapat disahkan daripada sorotan literatur ini, kerana kebanyakan kajian mengasingkan perbincangan KAS dalam satu bahagian dan TDS dalam satu bahagian yang lain. Justeru sukar untuk mencari titik persamaan dan pertalian mereka. Kemungkinan berlaku perhubungan itu adalah tinggi tetapi untuk membuktikannya memerlukan saranan penyediaan kajian yang boleh mengesahkan rangkaian hubungan latar belakang kemunculan

KAS dan TDS di Sabah samaada mereka adalah organisasi yang saling bekerjasama atau berbeza dari sudut idea, perjuangan, ideologi dan lain-lain. Sebagai tambahan penemuan berbentuk ilmiah, kajian ini masih perlu diteruskan dalam bentuk menjelaskan perbandingan kewujudan hubungan latar belakang kemunculan kumpulan Abu Sayyaf dan Tentera Diraja Sulu yang pernah mengancam keamanan di negeri Sabah.

### **Strategi Pengembangan Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) di Sabah**

Melalui analisis terhadap sorotan literatur bagi bahagian kedua ini pula. Terdapat beberapa penumpuan yang boleh diberikan perhatian mengenainya. Pertama sekali apakah strategi pengembangan, bagaimanakah strategi pengembangan dilaksanakan dan implikasi daripada strategi pengembangan Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) di Sabah.

Pertama sekali, melalui sorotan literatur yang disenaraikan dapat disimpulkan bahawa strategi pengembangan KAS daripada Ramli Dollah dan Eko Prayitno (2015) pada asalnya bermula daripada perpecahan antara organisasi politik *Moro National Liberation Front* (MNLF) dan ada sebahagiannya yang keluar daripada *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) daripada Mindanao yang kecewa dengan kerajaan Filipina yang tidak membela nasib umat Islam Moro di Selatan Filipina dan tidak mendapat kemerdekaan sehingga mereka memilih untuk berada di bawah KAS yang bergerak bebas melakukan ancaman jenayah, manakala TDS pula ditubuhkan juga pada asalnya adalah berpunca daripada hasrat mereka yang lama iaitu untuk mendapatkan Sabah yang pernah berada dibawah kesultanan Sulu. Dari sini di dapati bahawa nilai konflik oleh kedua-duanya sangat berbeza di mana strategi pengembangan setiap kumpulan ini adalah berdasarkan ideologi yang mereka pegang seperti kumpulan Abu Sayyaf (KAS) daripada Abd. Ghofur (2016) organisasi ini menjadikan ideologi Islam *Salafi Jihadi*. Ideologi agama yang ekstrem dan radikal ini dijadikan pendorong kepada kegiatan militan bagi merealisasikan hasrat mereka iaitu untuk membina satu *Dawlah Islamiyyah* (negara Islam) sama seperti yang dibawa oleh *Islamic State* (IS) tapi di belah Asia Tenggara, Selatan Filipina (Abd. Ghofur 2016: 185 dan Jacob Zenn 2019: 87). Tentera Diraja Sulu (TDS) pula berdasarkan Mohamed Anwar Omar (2011) adalah organisasi yang berideologikan perjuangan geopolitik iaitu merujuk kepada wilayah, negeri dan provinsi yang pernah mereka warisi pada ketika. Justeru ini adalah asas kepada strategi pengembangan mereka iaitu ideologi *salafi jihadi* oleh KAS dan hak geo politik oleh TDS.

Kedua pula adalah bagaimanakah strategi pengembangan dilaksanakan. Yang pertama bagi kumpulan Abu Sayyaf berdasarkan Abd. Ghofur (2016) dan Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja (2016), menggunakan pendekatan agama untuk mengembangkan pengaruh, saiz, kuantiti dan kekuatan. Pengaruh itu memudahkan proses pengambilan ahli dari kalangan komuniti Sulu, terutama sekali etnik Moro dan begitu juga mereka yang berada dalam Malaysia. Di samping mendapat bantuan daripada *Islamic State* (IS) dari sudut penjanaan ekonomi kumpulan, dengan itu mereka cuba untuk menundukkan negara di Asia Tenggara bagi menjana keuntungan agar mempunyai persediaan yang kukuh dari segi ketenteraan, senjata dan ekonomi secara luaran bagi membebaskan daerah Selatan Filipina untuk membina negara Islam. Selepas itu, Tentera Diraja Sulu (TDS) melaksanakan strategi pengembangan berdasarkan Asia Report N°281 (2016) dan Mohamed Anwar Omar (2011) dengan membina semula pemerintahan kesultanan Sulu dengan mengaku sebagai pewaris takhta bernama Jamalul Kiram III. Selepas itu untuk melaksanakan tugas atau hasrat, mereka telah mempengaruhi etnik Tausug atau Suluk menggunakan ideologi geopolitik atau wilayah iaitu untuk menuntut semula Sabah. Dari situ saiz dan kuantiti organisasi ini mula berkembang untuk menjalani misi mereka di Sabah.

Ketiga pula berkaitan implikasi daripada strategi pengembangan KAS dan TDS ini dapat disimpulkan sebagai satu bentuk ancaman militan yang mengancam keselamatan di Malaysia. Kemunculan mereka menyebabkan berlakunya kemusnahan, penculikan, pembunuhan, penyeludupan, rompakan dan lain-lain yang dapat diperhatikan daripada Mohamed Anwar Omar (2011), Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja (2016), Hamdan Aziz dan Syahrin Said (2016), Al Chaidar et al. (2018) dan Siti Naqiayah et al. (2018). Begitu juga ia memberikan ancaman politik terhadap kerajaan Malaysia daripada Norizan Kadir (2022), apabila agenda nasionalisme yang berpaksikan kepada kepentingan rakyat dimainkan oleh mantan Presiden Filipina iaitu Ferdinand Marcos bagi menuntut Sabah sebagai wilayah Kesultanan Sulu. Walaupun begitu, agenda itu dapat diselamatkan, jika tidak ia akan meletakkan Malaysia di dalam kedudukan yang sukar dan terpaksa mempertahankan diri dengan menggunakan ketenteraan dan kuasa politik. Dalam masa yang sama implikasi ini juga memberi pengaruh buruk terhadap rakyat Malaysia yang terlibat dengan kegiatan militan ini seperti yang dijelaskan Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja (2016: 19), merekrut dari kalangan orang Malaysia sendiri menggunakan pengaruh ideologi agama *salafi jihadi*, bahkan bukan itu sahaja faktor kewangan juga boleh menjadikan kegiatan militan berleluasa di Sabah (D Y Chen 2019).

Justeru analisis sorotan literatur ini mendapati bahawa hubungan pertalian antara kedua-dua organisasi ini melalui strategi pengembangan masih sukar dibuktikan. Kerana pembawaan kedua-dua organisasi ini adalah dengan cara yang berbeza. KAS adalah dengan ideologi *salafi jihadi* dan TDS pula dengan ideologi geopolitiknya. Namun begitu dalam satu-satu organisasi pasti akan ada wujudnya rangkaian perhubungan luar yang menjadi sebahagian perancangan daripada mereka, seperti kumpulan Abu Sayyaf (KAS) yang mempunyai hubungan dengan *Islamic State* (IS) seperti yang dinyatakan oleh Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja (2016) dan Laura Steckman (2016). Rangkaian hubungan ini dilihat penting kerana KAS adalah wakil pemimpin IS di Asia Tenggara, maka setiap kumpulan militan di Asia Tenggara berada di bawah pemerintahannya (Che Mohd Aziz Yaacob et al: 2019: 124). Selain itu, ia merupakan bahagian penting dalam membentuk keselamatan politik-ekonomi kumpulan militan tersebut (Bilveer Singh 2018). Sehubungan itu, pengkaji melihat kebarangkalian kedua-dua kumpulan ini bergabung ketika berada di Sabah adalah tinggi. Gabungan ini mungkin terjadi adalah di sebabkan kepentingan Sabah buat mereka. Kerana masing-masing menyasarkan Sabah sebagai sasaran tetapi dengan pandangan yang berbeza. KAS melihat Sabah sebagai tempat penjanaan ekonomi melalui kegiatan militan mereka (Jasmine Jawhar dan Kennimrod Sariburaja 2016: 19). TDS pula adalah untuk melemahkan pertahanan Sabah agar untuk mendapatkan semula wilayah Sabah dengan cara paksaan dan militan (Mohamed Anwar Omar 2011: 15).

Demikianlah strategi pengembangan bagi Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) di Sabah yang dapat dikenal pasti. Akan tetapi bagi kajian lanjutan mengenal pasti kewujudan pelaksanaan strategi pengembangan antara kedua-dua kumpulan militan dalam konteks di Sabah ini adalah sangat signifikan untuk diteliti, kerana kedua-dua kumpulan ini walaupun dengan pembawaan yang berbeza, mereka tetap berasal daripada kawasan Selatan Filipina yang berlatar belakangkan umat Islam di sana. Adakah strategi pengembangan masing-masing di Sabah dipengaruhi oleh ideologi *salafi jihadi* oleh KAS atau ideologi geopolitik oleh TDS atau mungkin kedua-duanya sekali. Justeru pengkaji mengharapkan agar kajian sedemikian dapat diteruskan oleh pengkaji seterusnya agar dapat menjadi satu perkongsian ilmu yang bermanfaat dalam bidang ini.

## **PENGHARGAAN**

Sekalung penghargaan dan terima kasih diberikan kepada Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia di atas sokongan dan kerjasama dalam menjalankan penyelidikan ini.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan berdasarkan analisis kedua-dua bahagian dalam sorotan literatur ini, terdapat beberapa rumusan penting yang boleh dijelaskan. Pertama, sepanjang pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap sorotan literatur ini, kajian yang menjelaskan perbandingan hubungan latar belakang kemunculan kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS) di negeri Sabah perlu diteruskan lagi. Kajian ini amat menarik untuk dikaji memandangkan kedua-dua ini mempunyai konflik yang besar di negeri Sabah. Kewujudan mereka ini, walaupun dengan latar belakang yang berbeza, tetapi ia seolah-olah terdapat wujudnya hubungan kerjasama antara keduanya. Dalam masa yang sama tidak ada kajian yang menjelaskan pertalian hubungan latar belakang kedua-dua kumpulan ini secara terperinci. Kedua, daripada aspek perbandingan strategi pengembangan kemunculan Abu Sayyaf (KAS) dan Tentera Diraja Sulu (TDS), fokus akan diberikan kepada apa itu strategi pengembangan, bagaimana pelaksanaannya dan implikasi kepada negeri Sabah di Malaysia. Kebanyakan sorotan literatur mengkaji strategi kumpulan-kumpulan ini secara berasingan dan tidak dapat dikenalpasti samaada wujudnya persamaan dari sudut perjuangan mereka di Sabah. Sudah pasti kajian jenis ini akan wujud persamaan dan perbezaan darinya, namun apa yang lebih penting adalah apabila dapat mengenal pasti bahawa wujudnya rangkaian hubungan kerjasama antara kumpulan KAS dan TDS ini dan dibuat dalam bentuk penulisan artikel ilmiah yang mudah untuk dibaca dan ia juga sebagai sumbangan ilmu pengetahuan di dalam bidang ini.

## **RUJUKAN**

- Abd. Ghofur. 2016. Dinamika Muslim Moro di Filipina Selatan dan Gerakan Sparatis Abu Sayyaf. *Sosial Budaya* 13(2): 175-188.
- Abdul Rashid & Ramli Dollah. 2021. Ancaman Penculikan Untuk Tebusan Di Pantai Timur Sabah, Malaysia: Peranan Angkatan Tugas Bersama 2 (ATB2). *Journal SINERGI* 1 (7): 31 – 55.

- Al Chaidar, Akmal, Saifullah Ali, Nanda Amalia, Dara Quthni dan Herdi Sahrasad. 2018. Masyarakat Mindanao, Abu Sayyaf dan Masalah Keamanan Kawasan. *Cakrawala Jurnal Penelitian Sosial* 7(1): 1–44.
- Asia Report N°281. 2016. *The Philippines: Renewing Prospects for Peace in Mindanao*. Brussels: International Crisis Group.
- Bilveer Singh. 2018. Crime-Terror Nexus in Southeast Asia: Case Study of the Abu Sayyaf Group. *Counter Terrorist Trends and Analyses* 10(9): 6-10.
- Bilveer Singh & Jasminder Singh. 2019. From “bandit” to “Amir”—The Rise of the Abu Sayyaf Group as a Jihadi Organization in the Philippines. *Asian Politics & Policy* 11(3): 399–416.
- Cambridge Dictionary. T.th. Expansion. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/expansion> [15 Julai 2023].
- Chatered Management Institute. 2020. Implementing Strategy. <https://www.managers.org.uk/wp-content/uploads/2020/03/CHK-259-Implementing-Strategy.pdf>. [15 Julai 2023].
- Che Mohd Aziz Yaacob, Kamarulnizam Abdullah & Mohd Sofian Omar Fauzee. 2019. Pengaruh kefahaman dan penerimaan rakyat Malaysia terhadap perjuangan ideologi Daesh. *Kajian Malaysia* 37(2): 121–145.
- Christoph Schuck. 2020. How Islamist is the Abu Sayyaf Group (ASG)? An ideological assessment. *Asian Security* 17(1): 105-118.
- Dominic Albino, Katriel Friedman dan Yaneer Bar-Yam. 2016. Military Strategy in a Complex World. *arXiv Physics and Society* 1: 1- 22.
- D Y Chen. 2019. Abu Sayyaf Group (ASG) in its Own Words: How ASG Justifies, Thinks and Imagines its Use of Violence. Project Southeast Asia report.
- Fred Nickols. 2016. Strategy, Strategic Management, Strategic Planning and Strategic Thinking. [https://www.nickols.us/strategy\\_etc.pdf](https://www.nickols.us/strategy_etc.pdf) [15 Julai 2023].
- Hamdan Aziz dan Syahrin Said. 2016. Tuntutan Kesultanan Sulu Terhadap Sabah: Sorotan dari Perspektif Sejarah dan Perundungan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 9(2): 279-294.
- Jacob Zenn. 2019. The Islamic State’s Provinces on the Peripheries: Juxtaposing the Pledges from Boko Haram in Nigeria and Abu Sayyaf and Maute Group in the Philippines. *Perspectives on Terrorism* 13(1): 87-104.
- Jasmine Jawhar & Kennimrod Sariburaja. 2016. *The Lahad Datu Incursion and Its Impact on Malaysia’s Security*. Kuala Lumpur: The Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism (SEARCCT).
- Kevin Harrison & Tony Boyd. 2018. *Understanding political ideas and movements*. Manchester: Manchester University Press.

- Steckman. 2016. The Abu Sayyaf-ISIS Nexus: Rising Extremism and its Implications for Malaysia. *Counter Terrorist Trends and Analyses* 8(5): 16-21.
- Maszlee Malik & Mohd Yazid Zul Kepli. 2018. ISIS in Malaysia: Understanding Their Logics. *ISLĀMIYYĀT* 40(1): 15 – 22.
- Merriam Webster. T.th. Expansion. <https://www.merriam-webster.com/dictionary/expansion> [15 Julai 2023].
- Mohamed Anwar Omar. 2011. Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya. *Jurnal Melayu* (7): 1 – 82.
- Pushpa Rani. 2019. Strategy Implementation in Organizations: A Conceptual Overview. *Management, University of Primorska, Faculty of Management Koper* 14(3): 205-218.
- Ramli Dollah dan Eko Prayitno. 2015. Dasar ‘Memakmurkan Jiran’ dan Penglibatan Malaysia dalam Proses Keamanan di Selatan Filipina. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 42(1): 77-112.
- Rusniati dan Ahsanul Haq. 2014. Perencanaan Strategis dalam Perspektif Organisasi. *Jurnal INTEKNA* 14(2): 102-209.
- Sara Elder. 2009. *ILO school-to-work transition survey: A methodological guide*. Geneva: International Labour Office.
- Siti Naqiyah, Salasiah Hanin & Izzah Nur Aida. 2018. Islamic State of Iraq and Sham (ISIS) Ideological Movement in Malaysia. *ISLĀMIYYĀT* 40(2) 2018: 95 – 103.
- Siti Nur Azilayati & Mohd Adnan. 2020. An Analysis on the Aftermath of Lahad Datu Incursion. *Journal of Media and Information Warfare* 13(1): 87-104.
- Wan Kamal, Ahmad Munawar & Nurfida'iy Salahuddin. 2020. The Threat of Radical Thinking and Extremism in the Nusantara (Malay Archipelago). *ISLĀMIYYĀT* 42(1): 85 – 92.